

## Bab 5

### Wen Yiduo Sebagai Seorang Reformis

Secara amnya, golongan terpelajar yang melibatkan diri dalam medan politik negara China seringkali berhadapan dengan satu dilema. Golongan ini bersetuju bahawa pengaruh politik dapat membantu negara China mencapai kemajuan dan pemodenan. Pada pihak yang lain, golongan terpelajar turut sedar bahawa penglibatan mereka dalam politik akan menjelaskan keupayaan mengkritik mereka terhadap masyarakat. Situasi tersebut turut dialami oleh Wen Yiduo. Perbincangan bab ini memperlihatkan usaha Wen dalam medan politik. Seruan yang dikemukakan oleh beliau akan dijelaskan. Impak yang dibentuk oleh Wen dalam menjalankan reformasi masyarakat akan ditinjau.

## 5.1 Keprihatinan Masyarakat Wen Yiduo Sehingga Tahun 1928

Sejak Wen Yiduo menuntut di Kolej Qinghua lagi, beliau sering mengemukakan kritikan beliau menerusi penulisan eseи. Wen Yiduo berpendapat bahawa penuntut merupakan salah satu bahagian daripada masyarakat. Manakala Kolej Qinghua ialah salah satu organisasi dalam masyarakat. Jika hendak menjalankan pembaharuan terhadap masyarakat, Kolej Qinghua ialah tempat yang paling dekat dengan dirinya sendiri.<sup>1</sup>

Beliau berpendapat,

Kolej bagaikan masyarakat miniatur, jika sesuatu ulasan dan kritikan yang adil dan saksama dapat diterbitkan menerusi majalah terbitan pelajar, maka ia akan melatih mereka menjadi insan yang berani meluahkan kebenaran dan kritikan terhadap perkara yang tidak berpatutan apabila mereka berada di masyarakat sebenar.<sup>2</sup>

Kritikan Wen yang merujuk kepada penuntut di kolej merangkumi sebahagian besar daripada eseи beliau pada peringkat pembelajarannya di Kolej Qinghua. Walaupun apa yang dibentangkan oleh Wen Yiduo itu hanya meliputi aktiviti yang dijalankan dalam kolej, tetapi ia memberi latihan minda yang berkesan kepada beliau. Beliau berazam memandu rakyat negara China menghala ke arah masyarakat yang diutarakan dalam Gerakan 4 Mei, yakni masyarakat yang liberal, demokratik, berkesedaran dan berintelek.

Sehingga tahun 1930, segala konsep revolusi dan fahaman nasionalisme yang dikemukakan oleh Sun Yat-sen sentiasa menjadi pedoman

<sup>1</sup> “Luke Shi de Xuesheng” (Penuntut Beraksi Pelancong), *WYDQJ* jilid 2, ms. 307.

<sup>2</sup> “Qinghua Zhoukan di Diwei Yige Yiwen” (Satu Soalan kepada Status Majalah Qinghua), *WYDQJ* jilid 2, ms. 326.

kepada Wen Yiduo semasa beliau melibatkan diri dalam arena politik.<sup>3</sup> Sun Yat-sen ialah tokoh politik yang amat dihormati oleh Wen Yiduo. Sejak Revolusi China tercetus pada tahun 1911 di Wuchang, Wen Yiduo sudah mengetahui kehadiran Sun Yat-sen dan konsep nasionalisme yang dikemukakan olehnya.<sup>4</sup> Selepas berlakunya Demonstrasi 4 Mei pada tahun 1919 beliau berpeluang berjumpa dengan Sun Yat-sen. Sebaik sahaja mengetahui Sun Yat-sen meninggal dunia, Wen Yiduo melakar sebuah potret beliau demi diziarahi oleh penuntut-penuntut dari negara China yang menuntut di Amerika Syarikat. Beliau turut menghasilkan sebuah sajak demi memperingatkan jasa beliau, yakni “Dewa Laut Selatan” (*Nanhai zhi Shen*). Dalam bait-bait sajak tersebut, Wen menyanjungi Sun ialah dewa yang melepaskan kongkongan bangsa China yang dilayan sebagai hamba abdi seterusnya mengubah nasib mereka.<sup>5</sup>

Meskipun Wen Yiduo tidak berpeluang menyertai demonstrasi yang tercetus pada 4 Mei 1919, tetapi beliau tetap diberi kepercayaan untuk bertugas sebagai Setiausaha Wakil Pelajar untuk mengendalikan kerja demonstrasi seterusnya. Tugas yang dipertanggungjawabkan kepada beliau lebih berbentuk penulisan propaganda yang tidak menonjol. Berbanding dengan tindakan yang dilakukan oleh beliau semasa menampalkan sebuah sajak patriotik Yue Fei (1103-1142) di kantin di Kolej Qinghua dengan semangat yang berkobar-kobar, kerja setiausaha ternyata lebih praktikal dan memaparkan personalitinya yang merendah diri. Tindakan ini turut

<sup>3</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 88.

<sup>4</sup> Guo Tingyi, *Jindai Zhongguo Shigang* (Sejarah Ringkas China Modern) (Hong Kong: Zhongwen Daxue Chubanshe, 1986), ms. 389-390.

<sup>5</sup> “*Nanhai zhi Shen*” (Dewa Laut Selatan), *WYDQJ* jilid 1, ms. 243-249.

memaparkan personaliti beliau yang lebih mengutamakan kepentingan masyarakat daripada reputasi dirinya di kalangan orang ramai.<sup>6</sup>

Semasa Wen Yiduo menuntut di Amerika Syarikat beliau sudah menyertai kegiatan kesatuan yang mengutarakan semangat nasionalisme menerusi KMA. Ahli kesatuan ini terdiri daripada penuntut-penuntut Kolej Qinghua yang melanjutkan pelajaran mereka ke Amerika Syarikat. KMA mengutarakan semangat nasionalisme. Ahli KMA cuba membangkitkan kesedaran nasionalisme rakyat negara China menerusi penulisan sastera. Nasionalisme yang ditegaskan dalam kesatuan ini berazam membantu rakyat negara China memperoleh kebebasan dalam politik, ekonomi serta kebudayaan.<sup>7</sup> Ahli kesatuan ini mempunyai cita-cita yang bersungguh-sungguh demi menguatkan negara China di samping membanteras kuasa imperialisme.<sup>8</sup> Seruan KMA secara tidak langsung memaparkan semangat patriotik Wen yang membara pada pertengahan tahun 1920-an.

KMA menentang ideologi Komunisme secara tegas. KMA mendakwa Rusia berniat mengancam kedaulatan negara China menerusi penyebaran ideologi Komunisme. Ideologi Komunisme mengagung-agungkan kepentingan buruh dan mengaplikasikan teori penentangan kelas. Oleh yang demikian, KMA menggalakkan perkembangan perindustrian di negara China demi menghalang perkembangan ideologi Komunisme yang bertambah giat di negara China. Jika perindustrian berkembang di negara China, pengaruh Komunis Rusia di negara China tidak akan mendominasi masyarakat China

<sup>6</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 16-17.

<sup>7</sup> *Ibid*, ms. 81.

<sup>8</sup> *Ibid*, ms. 81.

dan niat Rusia yang ingin menjajah negara China tidak akan tercapai. Meskipun demikian, konsep dan isi terkandung dalam ideologi Komunisme tidak pernah dikaji secara mendalam oleh ahli kesatuan tersebut.

Wen Yiduo telah menyebarluaskan semangat nasionalisme secara bersungguh-sungguh sebaik sahaja beliau kembali ke negara China. Hal ini demikian kerana kebanyakan ahli KMA yang lain masih menuntut di Amerika Syarikat. Wen Yiduo pernah menjelaskan makna manifesto KMA menerusi *Majalah Mingguan Qinghua* (*Qinghua Zhoukan*). Beliau mengambil konsep Darwinisme untuk mengulaskan bahawa perkembangan tamadun dunia ialah satu catatan sejarah antara kuasa imperialisme dan semangat nasionalisme. Seterusnya, beliau memetik pendapat Liang Qichao dan Zeng Guofan demi membuktikan kerunsingan negara China buat masa tersebut merupakan kemaraan kuasa imperialisme yang berleluasa. Wen mengkritik Kolej Qinghua yang ditubuhkan oleh Amerika Syarikat sebenarnya berniat meluaskan kuasa imperialismenya menerusi kebudayaan pendidikannya. Beliau berpendapat,

Setiap negara mempunyai kebebasannya dalam mengendalikan hal ekonomi, politik dan kebudayaannya. Integrasi antara budaya yang berbeza adalah digalakkan tetapi kita tidak bersetuju dengan sikap imperialis Barat yang memegang sikap superioriti kebudayaan Barat.

Akhirnya, beliau menegaskan penyelesaian masalah dalaman bangsa China dan masalah kemaraan kuasa asing adalah iktibar KMA.<sup>9</sup>

---

<sup>9</sup> Hsu Kai-yu, *Wen I-to*, ms. 91-92.

Wen Yiduo menulis beberapa buah sajak bertema kepada semangat nasionalisme menerusi majalah yang diterbitkan oleh KMA. Antaranya termasuk sajak yang bertajuk “Sedarlah!” (Xing A!) dan “Lagu Tujuh Orang Anak” (Qizi zhi Ge). Kedua-dua sajak ini langsung menolak kuasa imperialisme. “Sedarlah!” ialah sajak yang memupuk kesedaran semangat nasionalisme rakyat China yang berbilang kaum menjadi lebih kuat dan bersatu-padu. Kesedaran rakyat jelata akan menghalang kuasa imperialisme dari memperluaskan pencerobohan mereka di negara China. Terdapat satu nota tercatat bersama sajak tersebut yang dapat memerhatikan azam Wen.

Sekian tahun ini penuntut negara China di Amerika Syarikat menerima layanan yang buruk. Warga Amerika Syarikat sering menonjolkan mereka mempunyai kuasa yang mencukupi untuk menjalankan imperialisme ke atas negara lain. Akan tetapi, mereka tiada saluran untuk menyuarakan perasaan mereka yang marah tersebut. Memandangkan kuasa imperialisme yang semakin berleluasa di dunia, diharapkan penerbitan sajak ini dapat membangkitkan semangat patriotik bangsa China.<sup>10</sup>

Manakala dalam sajak bertajuk “Lagu Tujuh Orang Anak”, Wen menceritakan kesedihan daripada beberapa kawasan negara China yang dijajah oleh kuasa imperialisme. Antara kawasan tersebut termasuk Manchau, Hong Kong dan Taiwan. Kawasan ini sentiasa diharapkan agar dapat kembali ke dalam dukungan ibunya yakni tanah besar China. Wen Yiduo menyeru rakyat jelata bekerjasama menuntut kembali tanah yang dikuasai imperialisme Barat menerusi semangat patriotik.<sup>11</sup> Setiap rangkap sajak tersebut diakhiri dengan seruan, “Ibu! Saya mahu kembali. Ibu!”<sup>12</sup> Seruan yang menyentuh hati dalam bait-bait sajak tersebut sesungguhnya dapat

<sup>10</sup> “Xing A!” (Sedarlah!), *WYDQJ* jilid 1, ms. 221.

<sup>11</sup> *WYDNPCB*, ms. 269-270.

<sup>12</sup> “Qizi zhi Ge Lagu” (Tujuh Orang Anak), *WYDQJ* jilid 1, ms. 221-224.

membangkitkan semangat nasionalisme di kalangan orang ramai yang membacanya itu.

Pada ketika itu, selain KMA yang menyebarkan semangat nasionalisme terdapat banyak pertubuhan lain yang memanjikan matlamat yang sama dalam menyebarkan semangat nasionalisme di negara China. Atas usaha Wen Yiduo dan Li Huang (1895-1991), pertubuhan-pertubuhan ini bersetuju bergabung dan membentuk Gabungan Pertubuhan Nasionalisme Beijing (Beijing Guojia Zhuyi Tuanti Lianhehui). Gabungan Pertubuhan Nasionalisme Beijing (GPNB) telah ditubuhkan pada 20 Disember 1925.<sup>13</sup> KMA turut menyertai pertubuhan tersebut. GPNB tidak bersetuju dengan kritikan penganut Komunis di negara China yang menuduh semangat nasionalisme yang diutarakan oleh GPNB terbatas kepada perjuangan hak etnik sahaja. Sebaliknya, Wen menegaskan bahawa GPNB memperjuangkan nasionalisme yang merangkumi hak negara China demi semua bangsa di negara China.

Hal ini boleh dibuktikan menerusi beberapa deklarasi yang dikemukakan oleh GPNB. Deklarasi pertama yang dikemukakan oleh GPNB bertujuan membanteras kemaraan tentera dari Rusia dan Jepun ke atas provinsi-provinsi timur laut di negara China.<sup>14</sup> GPNB menganjurkan perhimpunan beramai-ramai demi memberitahu orang ramai berkenaan

---

<sup>13</sup> WYDNPB, ms. 296.

<sup>14</sup> WYDNPB, ms. 304-305. Jepun mula memasuki ke China menerusi Provinsi-provinsi timur laut dan tidak menghiraukan rundingan terhadap pemansuan Perjanjian Perdamaian Versailles. Rusia pula menghalang keretapi China masuk ke Asia Tengah melalui Rusia lalu mencetuskan pertembungan di timur laut negara China. Manakala Jepun pula mengambil kesempatan untuk menuntut ganti rugi dalam kes pertempuran antara kapal China dan kapal Jepun. Keadaan ini telah membangkitkan semangat menentang Jepun secara meluas di negara China.

dengan niat Rusia dan Jepun yang ingin menjajah negara China. Di dalam deklarasi tersebut terkandungnya seruan seperti ini, “Rakyat negara China perlu bersatu dan menyedari niat kuasa imperialisme Jepun dan Rusia. Warga China perlu berwaspada!”<sup>15</sup> Seterusnya, GPNB mengesyorkan deklarasi keduanya yang mendakwa keganasan Rusia terhadap bangsa China.<sup>16</sup> Petikan seruan dalam deklarasi tersebut berbunyi seperti ini, “Kemesraan Rusia ada udang di sebalik batu. Kemesraan itu langsung tidak membantu rakyat negara China yang sudah lama berada dalam keadaan menderita. Malahan mereka akan menggandakan keadaan yang kritis itu.”<sup>17</sup> Tidak lama kemudian, GPNB mengemukakan satu lagi deklarasi yang membanteras kemaraan Jepun secara berleluasa.<sup>18</sup> Ketiga-tiga deklarasi ini memaparkan hajat GPNB untuk menuntut kedaulatan rakyat negara China tetapi tidak memanjikan semangat etnik.

Akan tetapi, perhimpunan yang dilancarkan demi membaca deklarasi tersebut sering berakhir dengan pertelingkahan bersama penyokong Rusia yang berpegang kepada ideologi Komunisme. Pada 10 Mac 1926, satu tragedi berlaku sementara GPNB mengemukakan deklarasi mereka yang mendakwa keganasan Rusia. Dua ahli dari pihak GPNB dan penyokong Rusia masing-masing mengalami cedera parah. Wen Yiduo turut terlibat secara langsung dalam persengketaan tersebut.<sup>19</sup>

---

<sup>15</sup> *WYDNPCB*, ms. 305.

<sup>16</sup> *WYDNPCB*, ms. 311-312.

<sup>17</sup> *WYDNPCB*, ms. 313.

<sup>18</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 104.

<sup>19</sup> *WYDNPCB*, ms. 311-312.

Selepas pertelingkahan yang berlaku pada 10 Mac 1926, Wen Yiduo tidak khuatir dengan keadaan yang sengit dan merancang satu lagi demonstrasi pada 18 Mac. Pada hari tersebut tentera yang diarahkan oleh pihak kerajaan mengepung orang ramai yang menyertai demonstrasi tersebut di depan Medan Pintu Syurga. Seramai empat orang murid terkorban di bawah tembakan tentera kerajaan. Tragedi ini menyebabkan GPNB dan pengikut Komunis berdamai dan sama-sama menuduh tindakan kerajaan yang tidak berperikemanusiaan. Mereka mengadakan mesyuarat dua hala pada 21 Mac 1926. Akan tetapi, perundingan itu tidak mencapai sebarang persetujuan akibat ideologi mereka yang saling bercanggah.<sup>20</sup>

Tragedi 18 Mac membawa implikasi yang besar kepada Wen Yiduo. Wen Yiduo amat radang dengan tindakan kerajaan Republik dan meluahkan perasaan sedih beliau menerusi sajak moden bertajuk “Takziah”, “Pintu Syurga”, “Dikianati” dan eseи berjudul “Kesusasteraan dan Semangat Patriotik: Mengenang Tragedi 18 Mac” (Wenyi yu Aiguo: Jinian Sanyue Shibari). Dalam sajak “Pintu Syurga”, Wen Yiduo menyalurkan kritikan beliau terhadap kerajaan China menerusi seorang penarik beca.<sup>21</sup> Dalam sajak “Dikianati” pula, beliau meminjam rintihan seorang ibu yang kehilangan dua anak dalam menentang kuasa asing. Si ibu sedia membangkit jika kerajaan cuba merampas anaknya yang terakhir.<sup>22</sup>

Tragedi 18 Mac mendorong Wen Yiduo menamatkan segala kegiatan yang agresif dalam menyalurkan keprihatinan beliau terhadap masyarakat.

<sup>20</sup> *WYDNPCB*, ms. 315-316.

<sup>21</sup> “Tian’an Men” (Pintu Syurga), *WYDQJ* jilid 1, ms. 251-252.

<sup>22</sup> “Qifu Zhaole” (Dikianati), *WYDQJ* jilid 1, ms. 253-254.

Walau bagaimanapun, beliau meneruskan usahanya itu menerusi penulisan sastera.<sup>23</sup> Dalam eseи beliau berjudul “Kesusasteraan dan Semangat Patriotik: Mengenang Tragedi 18 Mac”, Wen Yiduo memaparkan hemat beliau yang amat mencintai kebebasan dan keadilan. Beliau berhajat usaha tersebut dapat dikibarkan menerusi penulisannya. Sejak itu, Wen Yiduo memilih untuk meneruskan penyebaran semangat nasionalisme beliau menerusi cara yang tidak melibatkan pertumpahan darah dan pengorbanan nyawa.<sup>24</sup> Mengikut Wen Liming, Wen Yiduo mengasingkan diri daripada segala aktiviti yang melibatkan GBNP dan kegiatan politik impak dari Tragedi 18 Mac.<sup>25</sup>

Hakikat kekejaman politik yang dialami oleh Wen Yiduo menyebabkan beliau menyalurkan usahanya kepada perkembangan sajak moden dan bukan kepada aktiviti politik. Wen Yiduo menumpukan perhatian ke dalam penulisan sajak moden yang diabaikan selama sembilan bulan. Beliau kembali bergiat dalam ABS. Beliau menyedari kegiatan politik bukan medan perjuangan yang sesuai untuknya dalam merealisasikan keprihatinan beliau terhadap masyarakat.

---

<sup>23</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 107.

<sup>24</sup> “Wenyi yu Aiguo: Jinian Sanyue Shibari” (Kesusasteraan dan Semangat Patriotik: Mengenang Tragedi 18 Mac), *WYDQJ* jilid 2, ms. 134.

<sup>25</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 105.

## 5.2 Seruan Dan Kritikan Sosial Wen Yiduo

### 5.2.1 Kembali Sebagai Seorang Reformis yang Agresif

Hu Shi pernah berjanji kepada isterinya bahawa beliau tidak akan terlibat dalam kegiatan politik selama dua puluh tahun. Beliau memungkirkir janji tersebut tidak lama kemudian.<sup>26</sup> Manakala Wen Yiduo berjaya mengasingkan diri daripada segala kegiatan politik lebih daripada sepuluh tahun setelah mengambil keputusan untuk menjauhkan diri daripada kegiatan politik. Sepanjang masa tersebut, beliau menerahkan usahanya ke dalam bidang pengajian teks klasik China. Beliau memerhati sahaja apa yang sedang berlaku di dalam arena politik. Beliau hanya mengkritik sekali dalam peristiwa penculikan Chiang Kai-shek. Pada ketika itu, Wen Yiduo dan kebanyakan golongan intelektual China Moden masih menyokong pemerintahan Chiang Kai-shek. Mereka percaya GMD dapat membantu warga China menikmati keharmonian.

Pada tahun 1936, peristiwa “Kejadian Xi’an” tercetus dalam sejarah China Moden. Dalam kejadian tersebut, Chiang Kai-shek diculik oleh Zhang Xueliang (1900-2001), pegawai tentera utama dalam kerajaan Republik. Dalam keadaan yang terdesak Chiang Kai-shek dipaksa oleh Zhang Xueliang untuk memberhentikan tindakan tentera GMD yang mengepung PKC di negara China sebaliknya bergabung dengan PKC menentang kemaraan Jepun.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Hu Shi, “Wo de Qitu” (Perjalanan Saya yang Terpesong), *Hu Shi Zuopin Ji (Koleksi Hasil Karya Hu Shi)* jilid 9 (Taipei: Yuanliu Chubanshe, 1986), ms. 65.

<sup>27</sup> Guo Tingyi, *Jindai Zhongguo Shigang* (Sejarah Ringkas China Moden), ms. 649-654.

Pada ketika itu, Wen Yiduo mengkritik Zhang Xueliang secara lantang. Beliau percaya bahawa Chiang Kai-shek dapat menyelesaikan masalah negara yang kritikal itu.<sup>28</sup> Buat kali pertama Wen Yiduo mengkritik di dalam kuliah beliau,

Apa sudah terjadi kepada dunia ini? Jeneral turut diugut oleh tentera! Kejadian berpaling tадah pada masa ini hanya akan mempercepatkan keruntuhan negara. Jikalau sesuatu yang buruk timpa pada Jeneral, tiada pemodenan yang akan kelihatan lagi. Kamu semua sedia berundur dua puluh tahun ke belakang dan kembali ke zaman hulubalang yang kucar-kacir tersebut!<sup>29</sup>

Selain kritikan tersebut beliau tidak pernah meluahkan pendapat beliau berkenaan dengan politik negara China. Keadaan ini hanya berubah pada tahun 1943. Beliau tidak lagi berdiam diri selepas itu. Beliau membangkitkan kesedaran masyarakat dengan melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti politik pada tahun 1943. Keadaan ini berlaku ekoran daripada penerbitan sebuah buku yang berjudul *Nasib China (Zhongguo de Mingyun)*. Buku tersebut wajib dibaca oleh setiap kakitangan kerajaan atas arahan Chiang Kai-shek. Pandangan dan pemikiran yang terkandung dalam buku tersebut langsung bercanggah dengan hajat Wen Yiduo mahupun intelektual yang lain. Bermula dari saat tersebut, segala harapan yang ditaruh oleh Wen Yiduo kepada pemerintahan Chiang Kai-shek runtuh dan hancur. Wen Yiduo mula menyoal keberkesanan dan kewibawaan politik Chiang Kai-shek. Beliau berpendapat tindakan Chiang Kai-shek tersebut hanya aksi yang berundur ke belakang. Wen Yiduo menyeru,

---

<sup>28</sup> WYDNPCB, ms. 492.

<sup>29</sup> WYDNPCB, ms. 492.

Penerbitan *Nasib China* adalah peristiwa yang penting bagi saya. Saya terkejut dengan semangat Boxer di dalamnya. Adakah pemimpin kita berpendapat sedemikian? Buku ini bercanggah langsung dengan matlamat Gerakan 4 Mei, walau bagaimanapun saya tidak dapat menerima.<sup>30</sup>

John K. Fairbank (1907-1991) menunjukkan, Chiang Kai-shek yang mewakili simbol kuasa politik GMD kehilangan sokongan daripada golongan inteligensia China Moden selepas tahun 1943.<sup>31</sup> Wen Yiduo ialah antara intelektual yang berasa kecewa atas polisi Chiang Kai-shek dan mula mengkritik polisi Chiang secara lantang dan terbuka.

### **5.2.2 Mengkritik Polisi Chiang Kai-shek dan Guomindang (GMD)**

Setelah Jepun mencetuskan perang dengan negara China di Jambatan Lugou sejak 7 Julai tahun 1937, seluruh masyarakat China dilandai kesengsaraan dan penderitaan hidup. Perang merebak ke seluruh negara secara tidak terkawal. Polisi kerajaan GMD yang acuh tak acuh menentang kemaraan Jepun menggandakan keadaan yang merunsingkan tersebut. Wen Yiduo giat menyeru supaya masyarakat dapat berganding bahu menyelamatkan negara China yang terjunam dalam keadaan yang genting tersebut.

Apabila perang antara Jepun dan negara China berlanjut selama tujuh tahun, segala niat Chiang Kai-shek jelas dibaca oleh Wen Yiduo. Dalam artikel “Satu Mimpian Siang” (Yige Bairimeng), beliau meneruskan tuduhannya terhadap gelagat GMD yang menyingkirkan pihak

<sup>30</sup> WYDNPB, ms. 626.

<sup>31</sup> Xu Jilin, “Jiqing de Guitu” (Pemulangan yang Agresif), Zhu Yong ed., *Chongdu Dashi* (Mengimbasi Tokoh) (Beijing: Renmin Wenzue Chubanshe, 2000), ms. 232.

lain demi kepentingan diri sendiri. Beliau mendakwa gelagat Chiang Kai-shek umpama tumor yang merebak dan tidak dapat dirawat lagi.<sup>32</sup> Wen Yiduo menyindir tindakan yang jahanam dengan kata-kata berikut,

Saya hairan kekayaan saya yang berlimpahan, bagaikan kurniaan tuhan. Saya telah melangkah dari wira yang tidak pernah kalah kepada seorang pendeta yang tidak pernah melakukan kesilapan. Saya telah bersatu dengan kebenaran, jadi segala betul dan salah yang saya lakukan akan menjadi hakikat yang tidak boleh diragui. Segala tindakan yang celaka dan jahanam yang saya lakukan adalah suatu yang mulia dan murni. Saya adalah segalanya.<sup>33</sup>

Wen Yiduo menyerah Chiang Kai-shek akan diberi dendaman yang derhaka di neraka atas tindakannya yang mengabaikan kesengsaraan dan penderitaan yang dialami oleh rakyat jelata.<sup>34</sup>

Wen Yiduo tidak bersetuju dengan arahan ketenteraan Chiang Kai-shek yang mementingkan diri sendiri. Sebelum itu, beliau amat menggalakkan pemuda menyertai pasukan tentera demi mempertahankan negara di bawah pimpinan GMD. Apabila Wen mengetahui kebanyakan anak tentera sering dianiaya bagi banduan yang ditawan, beliau tidak lagi berbuat seruan sedemikian. Wen Yiduo mengkritik Chiang Kai-shek membiarkan ketua pasukan tentera bertindak buruk terhadap anak tentera. Wen turut mengkritik pemerintahan Chiang Kai-shek bersifat monarki. Beliau membantah tindakan Chiang Kai-shek yang mengalihkan tentera yang sedang menentang Jepun untuk menghapuskan kuasa PKC di negara China. Beliau menuduh Chiang Kai-shek menyekat perkembangan PKC demi

<sup>32</sup> *WYDNPCB*, ms. 795.

<sup>33</sup> “Yige Bairimeng” (Satu Mimpian Siang), *WYDQJ* jilid 2, ms. 395.

<sup>34</sup> *Ibid*, ms. 395.

mengelakkan kuasa pemerintahannya sehingga keselamatan rakyat jelata diabaikan. Wen Yiduo mengeluh, mengapakah darah rakyat bukan ditumpah demi mempertahankan negara tetapi hanya memenuhi niat nafsu seseorang pemimpin? Wen Yiduo menyeru rakyat membantah pimpinan yang monarki dan menuntut kembali kuasa pemerintahan daripada pemimpin kerajaan yang tidak bertanggungjawab. Seterusnya, beliau menyeru supaya kuasa tentera disatukan untuk menentang ancaman luar.<sup>35</sup>

Wen Yiduo pernah ditugaskan untuk menulis memorandum demi mendakwa tindakan GMD serta pimpinan Chiang Kai-shek. Memorandum tersebut dikemukakan secara bersama oleh para pendidik. Memorandum tersebut berbunyi seperti berikut,

Negara China yang terjerumus dalam keadaan yang kritikal ini sememangnya dipengaruhi oleh polisi pemerintahan GMD yang menyeleweng. Kemenangan dalam peperangan menentang Jepun yang dijanjikan tidak pernah ditunaikan. Sebaliknya GMD telah memberi banyak peluang kepada Jepun untuk terus bermara. Peperangan dan inflasi yang melambung tinggi telah menyebabkan rakyat tidak pernah menikmati keamanan yang didahagakan malahan selalu berada dalam kelaparan. Oleh yang demikan, segala polisi GMD perlu diatursusun semula. Pentadbiran negara yang diuruskan oleh GMD perlu dikembalikan ke tangan rakyat demi menyelesaikan masalah negara yang merunsingkan tersebut.<sup>36</sup>

Pada Ogos 1945, Jepun menyerah kalah tanpa syarat. Berita yang gemuruh ini telah membawa suasana baru di Universiti Gabungan Xian dan juga seluruh China. Wen Yiduo turut mencukur janggut yang disimpan sejak pengunduran ke Kunming untuk menyambut kemenangan itu. Akan tetapi

<sup>35</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 252-254.

<sup>36</sup> WYDNPB, ms. 772.

kegembiraan ini tidak berkekala lama, perang saudara terus berlanjutan antara GMD dan PKC. Rakyat terus tergendala dalam keadaan yang sengsara. Memandangkan tindakan GMD yang memulakan pengepungan mereka terhadap PKC sebaik sahaja Jepun berundur, Wen Yiduo menulis artikel yang mendakwa kerajaan GMD mahupun Chiang Kai-shek secara terus terang. Dalam rencana “Mengawasi Gelagat Pengkhianat yang Berleluasa” (*Jinfang Hanjian Hefahua*) beliau mengecam tindakan Chiang Kai-shek,

Selama lapan tahun menentang kemaraan Jepun, kesatuan demi kesatuan yang pura-pura menyokong penentangan ini banyak didirikan, pasukan demi pasukan tentera yang kononnya ingin mempertahankan negara turut banyak bilangannya. Keadaan yang memaksa orang ramai merestui kegiatan pengkhianat (*hanjian*) tersebut jelas dibaca oleh orang ramai.<sup>37</sup>

*Hanjian* atau pengkhianat adalah istilah yang digunakan oleh orang ramai untuk mengutuk rakyat China yang berkhidmat untuk negara asing dan melakukan sesuatu yang akan mengancam keselamatan negara demi kepentingan diri sendiri. Wen Yiduo menggunakan istilah ini untuk mengkritik tindakan Chiang Kai-shek yang turut memaparkan gelagat yang seumpama. Beliau mendirikan banyak pasukan tentera yang terpilih kononnya hendak menentang kemaraan Jepun. Sebenarnya Chiang berniat mengepung PKC yang semakin berpengaruh selain memperkuatkan kedudukannya. Gelagat beliau tersebut ternyata mengetepikan keselamatan rakyat jelata.<sup>38</sup>

---

<sup>37</sup> “Jinfang Hanjian Hefahua”(Mengawasi Gelagat Pengkhianat yang Berleluasa), *WYDQJ* jilid 2, ms. 424.

<sup>38</sup> *WYDNPCB*, ms. 787.

Wen Yiduo pernah berbincang dengan seorang pegawai tentera berkenaan dengan masa berakhirnya peperangan dengan Jepun itu. Pegawai tentera tersebut menjawab dengan ikhlas bahawa sebaik sahaja peperangan bermula, peperangan itu boleh ditamatkan. Pegawai tentera tersebut menyambung, jika tentera China bertindak menentang kemaraan Jepun, langsung tiada peluang bagi Jepun untuk meneruskan kuasa imperialism mereka di negara China!<sup>39</sup> Wen sedar akan makna tersirat tentera tersebut merujuk kepada Chiang Kai-shek yang langsung tidak berhasrat menghapuskan ancaman Jepun. Wen Yiduo mengeluh kepada seorang pegawai tentera Amerika Syarikat tentang sikap kerajaan mahupun golongan terpelajar yang mengambil ringan terhadap kemaraan Jepun,

Peperangan memang sudah lama bermula di kalangan kamu, mereka yang belum bermula adalah kami!<sup>40</sup>

### **5.2.3 Mengejek Golongan Terpelajar yang Berdiam Diri**

Pada tahun 1944, Profesor Zhang Xiruo (1889-1973) dari Fakulti Sains Politik Universiti Gabungan Xinan mengkritik pelancaran polisi Chiang Kai-shek adalah satu muslihat dan mendakwa GMD ialah parti politik yang paling derhaka dalam sejarah. Berikutan daripada kritikan tersebut, Zhang Xiruo dituduh oleh golongan terpelajar yang angkuh dan patuh kepada kerajaan Chiang Kai-shek secara membabi buta. Wen Yiduo menulis sepucuk surat kepada beliau dan menyanjungi tindakan beliau yang berani meluahkan kebenaran. Selain itu, Wen Yiduo bercadang menulis sekumpulan sajak berbentuk ironi demi menyahut tindakan Zhang Xiruo. Tema sajak tersebut adalah bertujuan mengutuk golongan terpelajar yang

---

<sup>39</sup> “Huazhan” (Pameran Lukisan), *WYDQJ* jilid 2, ms. 202.

<sup>40</sup> *Ibid*, ms. 202.

ortodoks, tidak mempedulikan kesengsaraan rakyat jelata dan menerima polisi GMD secara membabi buta. Sajak tersebut adalah “Pujian Terhadap Lapan Profesor” (Ba Jiaoshou Song).<sup>41</sup> Wen Yiduo percaya, sajak tersebut akan memberi manfaat kepada segerintir golongan terpelajar yang kesesatan jalan. Prakata sajak tersebut berbunyi seperti berikut,

Sarjana,  
Sasterawan,  
Ahli fikir,  
Dari China Moden,  
Serta segala maha guru dan insan yang dihormati,  
Kerana kedegilanmu,  
Kerana kejahilanmu,  
Kerana tindakanmu yang snobbery,  
Kamu menyelamatkan kebudayaan China  
yang berusia lima ribu  
Tokoh-tokoh yang menyelamatkan khazanah China  
kini disanjungi oleh kerang dari samudera ...<sup>42</sup>

Menerusi sajak tersebut, Wen Yiduo mengkritik golongan terpelajar ini secara kritis tentang sikap mereka yang sompong, angkuh dan bongkak. Wen Yiduo mengkritik sikap golongan terpelajar ini yang memencilkan diri daripada orang ramai dan menjauhkan diri daripada urusan politik yang duniawi. Mereka kelihatan masih terharu dengan amalan yang sedemikian. Walaupun Wen Yiduo tidak sempat melengkapkan sajak tersebut, berpandu kepada rangkap sajak yang tertinggal jelas menggambarkan kritikan beliau terhadap kesangsian golongan terpelajar yang menerima pembaharuan tetapi tidak terdaya menyingkirkan amalan tradisi yang ortodoks. Malahan sikap mereka yang ortodoks bukan sahaja membantutkan pemodenan negara, malah menggandakan kesengsaraan rakyat jelata.<sup>43</sup>

<sup>41</sup> “Ba Jiaoshou Song” (Pujian Terhadap Lapan Profesor), *WYDQJ* jilid 1, ms. 262.

<sup>42</sup> *Ibid*, ms. 262.

<sup>43</sup> *WYDNPCB*, ms. 728-729.

Wen Yiduo turut mengkritik golongan terpelajar yang mengimport drama moden dari luar negara hanya ingin memenuhi kegemaran mereka sahaja. Walaupun mereka telah membawa masuk satu konsep drama yang moden dalam masyarakat China tetapi pada masa yang sama mereka turut membawa bersama pandangan mereka yang sempit, hipokrit dan terpencil daripada orang ramai. Wen Yiduo menegaskan, mereka yang terpencil daripada kehidupan orang ramai akan sentiasa menjadi sesuatu yang asing di kalangan ramai. Beliau meneruskan,

Drama yang memaparkan masalah sebenar orang ramai tentu akan mendapat sambutan yang menggalakkan. Sebaliknya, drama yang tidak menggambarkan keadaan sebenar orang ramai tidak akan berjaya. Ibarat golongan intelektual yang terasing daripada orang ramai, mereka tidak akan berdaya menyelamatkan China yang kritis itu.<sup>44</sup>

Dalam rencana “Pameran Lukisan” (Huazhan), sekali lagi Wen Yiduo telah menujukan kritikan beliau terhadap golongan terpelajar yang penyendiri dan melarikan diri daripada masalah realiti dan kenyataan. Beliau mengadu lukisan yang sering dipamerkan langsung tidak memaparkan keadaan semasa yang merunsingkan. Apa yang menjadi popular dalam pameran lukisan adalah lukisan yang berbentuk khayalan. Wen Yiduo mengkritik,

Selain merogol semangat menentang kemaraan Jepun, mereka sudi melarikan diri dari perperangan ini. Mereka sengaja menjauhkan diri dari perperangan menerusi kesenian yang indah permai.<sup>45</sup>

---

<sup>44</sup> “Xinzhongguo Gei Kunming Yige Erguangba!” (China Moden, Beri Kunming Satu Tamparan!), *WYDQJ* jilid 2, ms. 234.

<sup>45</sup> “Huazhan” (Pameran Lukisan), *WYDQJ* jilid 2, ms. 203.

Wen Yiduo mendakwa pameran lukisan yang hanya mempamerkan lukisan yang indah permai akan membahayakan negara yang sedang bertentangan dengan musuhnya. Lukisan yang indah dan aman mempersebahkan kedamaian negara yang tidak benar pada zaman peperangan. Keadaan ini akan menyebabkan orang ramai tidak terasa kesengsaraan peperangan yang sebenar. Mereka tidak akan berasa genting dan tegang akibat keadaan keindahan yang digambarkan menerusi lukisan. Wen mengadu lukisan sebegini hanya akan meruntuhkan semangat negara pada zaman peperangan.<sup>46</sup>

### 5.3 Gelagat dan Saranan Wen Yiduo Sebagai Seorang Reformis

#### 5.3.1 Membangkit Kesedaran Rakyat dalam Hal Menuntut Demokrasi

Wen Yiduo memperoleh pengalaman yang berharga semasa kemaraan Jepun bertambah luas. Kemaraan Jepun mendesak Universiti Kebangsaan Sementara Changsha yang mana Wen berkhidmat dipindahkan ke barisan belakang. Mereka berundur dari Changsha ke Kunming yang lebih selamat pada Februari 1938.<sup>47</sup> Wen Yiduo menyertai penghijrahan berjalan kaki yang memakan masa enam puluh lapan hari. Pengalaman sepanjang perjalanan ke Kunming membuka mata Wen Yiduo berkaitan dengan semangat rakyat jelata.

---

<sup>46</sup> *Ibid*, ms. 202.

<sup>47</sup> Ji Zhenhuai, *Wen Zhu Nian Pu* (Biografi Wen Yiduo dan Zhu Ziqing dalam Susunan Kronologi), ms. 35.

Sepanjang penghijrahan berjalan kaki tersebut, Wen Yiduo berpeluang berkomunikasi dengan rakyat jelata yang berada di kawasan pedalaman negara China. Beliau berpeluang mengambil tahu adat resam, bahasa dan pakaian golongan minoriti. Pengalaman ini banyak membantu Wen Yiduo dalam pengajiannya terhadap mitos primitif yang membentuk tamadun awal negara China. Beliau mendapati, meskipun rakyat di situ kelihatan pandir tetapi mereka memaparkan keaslian manusia yang sentiasa bersedia menghadapi cabaran.<sup>48</sup>

Penghijrahan ini mencetuskan minda Wen Yiduo terhadap kuasa yang boleh dijana oleh rakyat jelata. Beliau mula mengkaji asal usul bangsa China dan gelagat masyarakat silam demi menjelaskan kuasa ajaib yang dimaksudkan itu. Beliau menumpukan kajian tersebut dalam bidang mitos dan totem pada zaman silam negara China. Menjelang tahun 1944, kemaraan Jepun bertambah giat sehingga mengancam keselamatan Kunming di pedalaman. Perkembangan yang merunsingkan ini mendesak Wen Yiduo menjana kuasa ajaib dari kalangan rakyat jelata. Pelbagai kempen, ceramah dan manifesto dikemukakan oleh beliau demi membangkitkan rakyat jelata untuk meruntuhkan pemerintahan kerajaan Chiang Kai-shek yang mementingkan diri sendiri. Beliau menyeru orang ramai membentuk kerajaan pilihan rakyat yang demokrasi. Hanya dengan kerajaan yang demokrasi akan menunaikan permintaan majoriti rakyat untuk membanteras

---

<sup>48</sup> “*Xinan Caifeng Lu Xu*” (Prakata *Pengumpulan Pengalaman di Barat-daya*), *WYDQJ* jilid 2, ms. 196.

kemaraan Jepun. China akan menikmati keamanan menerusi semangat demokrasi yang dijana oleh rakyat.<sup>49</sup>

Pada masa tersebut nasionalisme bukan ideologi yang disebarluaskan oleh Wen Yiduo. Beliau giat mengutarakan konsep demokrasi rakyat. Wen Yiduo berusaha membangkitkan semangat rakyat jelata yang akan mencetuskan kuasa dan pengaruh yang ghaib. Beliau menyeru dalam ceramah,

Demokasi adalah tuntutan kita yang pertama, kedua dan ketiga. China tidak dapat diselamatkan tanpa demokrasi. Rakyat China turut tidak dapat menikmati keamanan jika tiada demokrasi.<sup>50</sup>

Jika sains dan demokrasi adalah alat yang digunakan oleh tokoh-tokoh terpelajar untuk membangkitkan ajaran pembaharuan masyarakat China dalam Gerakan 4 Mei, maka demokrasi yang diutarakan oleh Wen demi mempertahankan negara China dari kuasa imperialisme.

Wen Yiduo memperkenalkan seorang penyajak patriotik yang dapat memupuk semangat demokrasi di kalangan rakyat. Qu Yuan (343 S.M.-277 S.M.), penyajak dari negara Chu pada Zaman Peperangan Negeri-negeri ialah tokoh yang dimaksudkan. Wen Yiduo berpendapat, Qu Yuan ialah penyajak kepada rakyat jelata. Wen Yiduo mendapati, usaha yang dilakukan oleh Qu Yuan dalam penulisan syairnya berjaya mempersesembahkan hasrat rakyat. Syair Qu Yuan menceritakan kehidupan rakyat jelata yang menderita.

---

<sup>49</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 268.

<sup>50</sup> *WYDNPBCB*, ms. 847.

Wen Yiduo menegaskan Qu Yuan berjaya melancarkan satu revolusi rakyat dalam menyuarakan kehendak rakyat.<sup>51</sup>

Qu Yuan ialah penyajak yang mendapat kesayangan dan sanjungan rakyat jelata dari zaman dahulu hingga zaman kini. Personaliti dan usaha Qu Yuan yang mulia menyebabkan beliau disanjungi ramai. Dalam artikel Wen bertajuk “Penyajak kepada Rakyat: Qu Yuan” (Renmin de Shiren: Qu Yuan) beliau menjelaskan, rakyat China yang dahulu sanggup mengurniakan satu perayaan yang penting kepada seorang penyajak, jelas membuktikan betapa pentingnya makna dan identiti penyajak tersebut kepada orang ramai. Wen Yiduo menulis,

Qu Yuan ialah seorang kerabat diraja yang sanggup berdiri bersama-sama orang ramai. Qu Yuan memahami kesengsaraan hidup dan sudi menyuarakan demi rakyat jelata menerusi sajak. Malahan beliau sanggup mengorbankan nyawanya demi membangkitkan kesedaran rakyat jelata untuk mengelakkan negaranya dari dijajahi musuh.<sup>52</sup>

Motif Wen Yiduo mempopularkan ketokohan Qu Yuan yang mewakili rakyat hanya satu, yakni memberitahu rakyat jelata bahawa kemenangan akhir akan dicapai oleh mereka sekiranya mereka mengambil keputusan untuk menuntutnya. Beliau meminjam sifat Qu Yuan yang berkorban untuk rakyat demi membentuk inspirasi kepada orang ramai supaya menyalakan kuasa yang dipunyai oleh diri mereka. Wen cuba membangkitkan semula inspirasi tersebut di kalangan rakyat jelata. Wen menegaskan warga China tidak perlu disekat oleh ahli politik yang mementingkan diri sendiri itu.

---

<sup>51</sup> “Renmin de Shiren: Qu Yuan” (Penyajak kepada Rakyat: Qu Yuan), *WYDQJ* jilid 5, ms. 28-30.

<sup>52</sup> *Ibid*, ms. 29.

Menerusi Qu Yuan, Wen Yiduo cuba menyeru rakyat jelata supaya tidak perlu terkongkong di bawah pemerintahan yang mengabaikan kepentingan mereka. Sekian lama rakyat jelata sebenarnya diperalatkan oleh pihak berkuasa untuk memenuhi niat mereka. Setelah mengetahui tipu muslihat para pemerintah, rakyat seharusnya menuntut apa yang diingini oleh mereka. Jadi tibalah masa untuk menentang pihak yang memperalatkan mereka tersebut.<sup>53</sup>

Perang menentang Jepun dan konflik antara GMD dan PKC di China yang berlanjutan selama tujuh tahun berturut-turut. Situasi tersebut membentuk neraka di seluruh negara China. Rakyat jelata yang tidak berdosa adalah golongan yang perlu menanggung segala kesan peperangan yang menderita dan sengsara tersebut. Wen Yiduo tidak dapat berdiam diri dengan keadaan itu dan tidak lena menyeru rakyat jelata membangkit demi menuntut hak mereka. Beliau berpendapat, jika kuasa rakyat jelata disatukan, mereka dapat merobohkan pemimpin yang hanya mementingkan diri sendiri dan bersatu hati menamatkan kemaraan Jepun dengan mudah sahaja. Wen Yiduo menyeru dengan suara yang lantang dalam artikelnya,

Jika negara tidak dapat membekalkan keamanan kepada rakyat jelata, ia telah kehilangan nilainya. Sebenarnya, negara hanyalah bayangan yang diperalatkan oleh segelintir pemimpin yang ingin menguasai serta memperkuuh dan memperluaskan kuasa mereka. Jika negara tidak mempunyai rakyat, tidak lagi bermakna dengan jajahan dan kuasa. Apabila autoriti jajahan dan kuasa dikembalikan kepada tangan

---

<sup>53</sup> "Renmin de Shiji" (Abad untuk Rakyat), *WYDQJ* jilid 2, ms. 408.

rakyat, barulah kewujudan negara itu bermakna. Kini, hanya keagungan rakyat adalah propaganda kita.<sup>54</sup>

Dalam artikel “Abad untuk Rakyat” (*Renmin de Shiji*), Wen mengkritik negara yang diwakili oleh golongan pemerintah dan kerajaan yang hanya mementingkan diri sendiri sahaja. Wen Yiduo menyeru agar rakyat jelata tidak perlu menyokong kerajaan yang mengabaikan kepentingan mereka. Sebaliknya rakyat jelata patut mengambil alih kuasa pemerintahan demi menuntut keamanan yang diidam-idamkan. Pada tahun 1919, rakyat China membangkit demikian menyelamatkan negara dari kuasa imperialism. Setelah dua puluh enam tahun kemudian, China masih berada dalam keadaan yang terancam. Keadaan yang terancam ini membuktikan pemerintah kerajaan tidak dapat menjamin keamanan untuk rakyat China. Malahan kerajaan dan para pemerintah sanggup mengumpulkan tenaga rakyat untuk menjamin keselamatan mereka sahaja. Oleh yang demikian, rakyat perlu bangkit dan membentuk sebuah kerajaan China yang demokrasi demi menuntut kedaulatan rakyat menerusi reformasi.<sup>55</sup>

Wen Yiduo melanjutkan ulasan beliau bahawa hanya dengan memahami perbezaan fungsi antara negara dan rakyat barulah orang ramai akan menyedari kedudukan mereka. Segala kekalahan yang dilandai negara akan digantikan dengan kehilangan nyawa dan harta rakyat, sebaliknya apa yang dimenangi oleh negara bukanlah kepunyaan mereka. Wen Yiduo menyeru rakyat jelata supaya sedar akan keadaan tersebut. Seterusnya rakyat patut bersatu-padu di bawah satu hajat yang akan ditransformasikan kepada

---

<sup>54</sup> *Ibid*, ms. 407.

<sup>55</sup> *Ibid*, ms. 407-409.

kuasa yang kukuh dan bersama-sama mara ke abad yang dikuasai oleh rakyat sendiri.<sup>56</sup>

Wen Yiduo sering mengemukakan hakikat bahawa kuasa rakyat yang bersepadu dalam membina sebuah negara yang kuat adalah unsur yang amat penting. Dalam pelbagai penulisan, ceramah dan memorandum beliau sering menegaskan pandangan beliau tersebut. Dalam artikel “Ketenangan yang Negeri” (Kepa de Lengjing), beliau cuba memberangsangkan kesedaran rakyat jelata yang lebih tua tetapi masih bersikap acuh tak acuh terhadap tindakan Chiang Kai-shek dan GMD yang melampau.<sup>57</sup> Wen Yiduo menyeru,

Selagi banyak kawasan ditawan, peluang untuk mengaut keuntungan menjadi semakin banyak. Mereka yang miskin akan bertambah miskin; mereka yang kaya pula berganda kekayaannya. Suara yang menyeru untuk membanteras kemaraan Jepun di luar negeri lebih kuat daripada suara di dalam negeri. Rakyat sentiasa dieksplotasi itu masih berdiam diri walaupun dalam kelaparan; mereka yang mengaut keuntungan pula pura-pura hidup dalam keadaan yang gembira dan asyik mengukirkan kedamaian yang palsu, tidakkah ini menakjubkan?<sup>58</sup>

Wen Yiduo meluahkan perasaan hairan beliau terhadap fenomena orang ramai yang dapat menunjukkan ketenangan yang luar biasa. Wen Yiduo menyeru mereka prihatin terhadap kejadian negara seperti pemuda-pemudi yang bersemangat dan berani menampil ke hadapan untuk mendakwa tipu muslihat GMD yang menentang kemaraan Jepun secara pura-pura. Wen Yiduo menyarankan bahawa hanya dengan langkah yang sehalo dengan pemuda-

---

<sup>56</sup> *Ibid*, ms. 409.

<sup>57</sup> *WYDNPB*, ms. 718.

<sup>58</sup> “Kepa de Lengjing” (Ketenangan yang Negeri), *WYDQJ* jilid 2, ms. 375.

pemudi, barulah kemenangan China yang sebenar akan tercapai.<sup>59</sup> Dalam satu ceramah yang menyeru para pemuda menyertai pasukan tentera, Wen Yiduo mengeluarkan suara yang lantang,

Kesengsaraan kita yang genting ini hanya dapat diatasi dengan cara yang tegas. Buat masa sekarang hanya satu jalan yang boleh kita gunakan: Reformasi!<sup>60</sup>

### 5.3.2 Menyokong Ideologi Komunisme

Pemikiran Wen Yiduo yang menentang ideologi Komunisme secara tegas beralih pada pertengahan tahun 1940-an. Beliau *memilih Manifesto Komunis (Communist Manifesto)* menjadi latihan penterjemahan dalam kelas bimbingan penterjemahan. Kelas ini melatih ahli penterjemah untuk berkomunikasi dengan tentera Amerika yang membantu negara China. Wen Yiduo menegaskan, jika askar Amerika bertanya tentang *Manifesto Komunis* tetapi para penterjemah tidak mengetahuinya tentu sesuatu yang memalukan.<sup>61</sup> Pemikiran Wen Yiduo yang terbuka ini memberi peluang kepada diri beliau untuk memahami inti pati Komunisme.

Tindakan yang memihak kepada kepentingan rakyat dan mengutarakan reformasi masyarakat ini turut mendorong Wen Yiduo kian menerima ideologi Komunisme. Beliau mula membaca risalah yang berfahaman Komunisme dan bergaul rapat dengan ahli komunis seperti Wu Han (1909-1969), Chu Tunan (1899-1994) dan Hua Gang (1903-1972). Penglibatan beliau dalam kegiatan berunsur Komunisme membawa ejekan

<sup>59</sup> *Ibid*, ms. 375-376.

<sup>60</sup> *WYDNPB*, ms. 738.

<sup>61</sup> *WYDNPB*, ms. 685.

dari rakan sekerjanya Feng Youlan (1895-1990) sebagai ekor kepada Komunis. Wen Yiduo tetap menerima dan membala ejekan itu,

Apa salah menjadi ekor jika Komunis melakukan sesuatu yang betul, ada kepala mesti diikuti dengan ekornya, saya sudi menjadi ekor kepada Komunis.<sup>62</sup>

Jelas kelihatan kaedah yang digunakan oleh Wen Yiduo beralih kepada cara yang agresif. Perubahan ini telah membezakan arah Wen Yiduo dengan profesor yang lebih memihak kepada fahaman Liberalisme. Beliau mula menuju ke arah pemikiran Komunisme dan langsung tidak menyokong pemerintahan GMD pada masa itu. Perubahan ini menunjukkan kepercayaan beliau terhadap ideologi Komunisme bukan tindakan yang mendadak. Beliau rela percaya secara optimis bahawa ideologi Komunisme dapat menyelesaikan masalah rakyat jelata yang sengsara itu. Kesedaran beliau terhadap masalah asas serta keperluan asas rakyat China mempercepatkan lagi penerimaannya terhadap ideologi Komunisme. Apa yang dikehendaki oleh rakyat jelata ialah keamanan dan dapat mengenyangkan perut. Ideologi Komunisme yang ideal dapat membentuk harapan kehidupan yang utopia untuk mereka.

Perubahan pemikiran Wen Yiduo semakin ketara apabila beliau memuji penyajak yang mengutarakan ideologi Komunisme, iaitu Tian Jian. Wen Yiduo meluahkan pandangan beliau terhadap Tian Jian di dalam esei “Pengendang Zaman” (Shidai de Gushou). Wen berpendapat sajak Tian Jian mempersempahkan keaslian manusia dan keindahan lirik menerusi sajaknya. Imej dan suara gendang yang dipersembahkan menerusi sajak Tian Jian

---

<sup>62</sup> WYDNPB, ms. 1012.

memperlihatkan satu hentakan yang kuat dan bertenaga. Hentakan ini amat diperlukan demi memupuk semangat orang ramai untuk bersatupadu dan penuh bertenaga.<sup>63</sup> Zhu Ziqing berpendapat, esei tersebut membangkitkan pengaruh yang kuat di kalangan intelektual. Sesetengah pengulas mentafsirkan esei ini sebagai bukti peralihan pemikiran Wen Yiduo.<sup>64</sup>

### 5.3.3 Memupuk Perkembangan Kesenian

Sepanjang dekad menentang kemaraan Jepun, Wen Yiduo sering menegaskan orang ramai adalah golongan yang perlu dibangkitkan demi membentuk semangat membanteras musuh yang timbul terus dari nurani setiap anggota masyarakat.<sup>65</sup> Beliau mendapati kesenian dapat memainkan peranan yang berkesan dalam membangkitkan kesedaran orang ramai untuk membanteras kemaraan Jepun. Kesenian yang disebutkan itu termasuk seni lukis, seni drama, seni muzik mahupun seni sastera yang dapat mempersempahkan kehidupan sebenar rakyat jelata secara ikhlas. Wen Yiduo amat menggalakkan perkembangan kesenian sedemikian. Beliau percaya kesenian yang mempersempahkan kehidupan sebenar rakyat jelata akan mudah mendapat restu dari orang ramai. Nescaya itu, kesenian tersebut dapat berfungsi sebagai propaganda yang membangkitkan semangat membanteras kemaraan Jepun yang membara di kalangan ramai.<sup>66</sup>

<sup>63</sup> “Shidai de Gushou” (Pengendang Zaman), *WYDQJ* jilid 2, ms. 197.

<sup>64</sup> *WYDNPCB*, ms. 676.

<sup>65</sup> “Wusi yu Zhongguo Xinwenyi” (Gerakan 4 Mei dan Kesuasteraan Baru China), *WYDQJ* jilid 2, ms. 231.

<sup>66</sup> “Xuanchuan yu Yishu”(Propaganda dan Kesenian), *WYDQJ* jilid 2, ms. 190.

Menerusi artikel “Propaganda dan Kesenian” (Xuanchuan yu Yishu), Wen Yiduo telah meninjau fungsi kesenian yang berpengaruh itu secara jelas. Beliau berpendapat,

Kebanyakan rakyat China tidak berpeluang memperoleh pendidikan yang tinggi malahan ramai yang masih buta huruf. Dalam keadaan tersebut, penulisan propaganda yang ragam tidak dapat menyebarkan mesej yang ingin disampaikan. Oleh yang demikian, pengamatan muzik, lukisan dan drama yang lebih langsung jauh lebih berkesan dan berpengaruh untuk membangkitkan semangat mereka.<sup>67</sup>

Wen Yiduo bertokok, bentuk kesenian yang paling berkesan buat sementara itu ialah drama moden dan mendeklamasi sajak yang bertemakan orang ramai. Ini akan memupuk kesedaran di kalangan ramai tentang kuasa yang boleh dijanakan menerusi persepaduan mereka.<sup>68</sup> Lantaran itu, beliau memuji sajak Tian Jian dan kumpulan drama moden “China Moden” yang bersemangat dan realiti menerusi ceramah kepada orang ramai dan rencana yang diterbit menerusi akhbar.<sup>69</sup>

Wen Yiduo mengendalikan satu persembahan drama moden bersama Penerbit Chen Quan selepas setahun mereka berundur ke Kunming. Tajuk drama tersebut ialah “Tanah Air” (Zuguo). “Tanah Air” menceritakan kisah seorang profesor yang membanteras kemaraan Jepun secara bersungguh-sungguh. Profesor tersebut sanggup berganding bahu dengan para pelajar dan pekerja menentang musuh mereka. Akhirnya, beliau terkorban demi

---

<sup>67</sup> *Ibid*, ms. 189-193.

<sup>68</sup> “Wusi yu Zhongguo Xinwenyi” (Gerakan 4 Mei dan Kesusasteraan Baru China), *WYDQJ* jilid 2, ms. 231.

<sup>69</sup> “Ai Qing he Tian Jian” (Penyajak Ai Qing dan Penyajak Tian Jian), *WYDQJ* jilid 2, ms. 232-233 dan “Xinzhongguo Gei Kunming Yige Erguangba!” (China Moden, Beri Kunming Satu Tamparan!), *WYDQJ* jilid 2, ms. 234-235.

tanah air beliau. Drama ini mendapat sambutan yang mengagumkan daripada orang ramai. Orang ramai sering menyebut kata-kata dalam drama tersebut yang berbunyi “Runtuhkan Imperialisme Jepun!”<sup>70</sup> Kesedaran yang dipupuk menerusi drama itu jelas kelihatan. Orang ramai saling memeriahkan spirit yang dibentuk daripada drama “Tanah Air” dan menanti-nantikan kemenangan negara China.<sup>71</sup>

Wen Yiduo juga menyeru mereka yang mempunyai bakat dalam bidang seni lukis menampilkannya ke hadapan untuk mencatat keadaan persengketaan yang sebenar di barisan hadapan peperangan mahupun suasana askar yang kelaparan di barisan belakang menerusi lakaran lukisan. Dengan itu, keadaan sebenar yang berlaku pada zaman peperangan dapat dirasai oleh orang ramai dengan mudah dan jelas.<sup>72</sup> Wen Yiduo mencontohi lukisan seorang pelukis yang bernama Feng Fasi. Feng menghasilkan lukisan yang menggambarkan barisan hadapan medan peperangan. Wen berpendapat lukisannya dapat memaparkan nadi kehidupan sebenar manusia.<sup>73</sup> Wen Yiduo mengulas bahawa hasil lukisan sedemikian sangat diperlukan untuk masyarakat China yang lama terkongkong dalam bentuk lukisan yang khayal. Di samping itu, lukisan sedemikian dapat menunjukkan hakikat sebenar peperangan yang kejam dan sengsara.<sup>74</sup>

<sup>70</sup> Chen Wen ed., *Wen Yiduo* (Wen Yiduo) (Heibei: Jiaoyu Chubanshe, 2001), ms. 59.

<sup>71</sup> WYDNPCB, ms. 566.

<sup>72</sup> “Huazhan” (Pameran Lukisan), *WYDQJ* jilid 2, ms. 203.

<sup>73</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 388.

<sup>74</sup> “Feng Fasi Zhandi Xiesheng Huazhan Guanhougan” (Pandangan Terhadap Pameran Lukisan Mengenai Barisan Hadapan Peperangan dari Feng Fasi), *WYDQJ* jilid 2, ms. 242-243.

Dalam artikel “Propaganda dan Kesenian” Wen Yiduo membuat kesimpulannya bahawa kesenian bukan sahaja dapat berfungsi sebagai propaganda dalam zaman peperangan malah kesenian memperlihatkan satu usaha yang dapat membentuk spirit pembangunan negara yang menjunjung tinggi.<sup>75</sup>

#### **5.3.4 Menyertai Konfederasi Demokrasi China (KDC)**

Pada tahun 1944, Wen Yiduo menyertai Konfederasi Demokrasi China (Zhongguo Minzhu Tongmeng) secara sulit. Penglibatan politik Wen bertambah agresif sebaik sahaja beliau menyertai konfederasi ini. KDC berkecuali daripada semua parti politik dan fahaman. Ahli KDC kebanyakannya terdiri daripada golongan terpelajar yang tiada kuasa pemerintahan sebenar. Apa yang diutarakan oleh mereka ialah konsep demokrasi. Sifat KDC yang neutral ini cuba menyelesaikan masalah perang saudara antara GMD dan PKC demi mencapai kesejahteraan rakyat jelata. KDC langsung membanteras terhadap keganasan dan cuba mendidik masyarakat dan parti politik menerusi konsep pendidikan.<sup>76</sup>

Wen Yiduo ghairah dengan semua jenis kegiatan politik dalam masa dua tahun berikutnya. Beliau menyertai hampir enam puluh kali tunjuk perasaan yang berserta dengan ceramah yang dianjurkan oleh KDC. Beliau menggubah hampir tiga puluh dokumen dan menulis dua belas eseи yang berkaitan dengan konfederasi tersebut.<sup>77</sup> Selain itu, beliau juga menjadi

---

<sup>75</sup> WYDNPCB, ms. 568.

<sup>76</sup> “Minmeng de Xingzhi yu Zuofeng” (Fungsi dan Sifat Konfederasi Demokrasi China), *WYDQJ* jilid 2, ms. 441-446.

<sup>77</sup> Su Zhihong, *Wen Yiduo Xinlun* (Perbincangan Baru Terhadap Wen Yiduo), ms. 319.

penasihat kepada konfederasi muda yang ditubuhkan oleh mahasiswa daripada beberapa universiti di sekeliling Kunming.<sup>78</sup> Jika meninjau rayuan dan pengumuman yang dikemukakan oleh Wen Yiduo menerusi KDC, ia lebih berteras kepada aksi politik yang menuntut hak asasi seorang manusia. Meskipun kebanyakan rayuan itu kelihatan idealistik, ia tetap memaparkan hajat golongan intelektual yang paling ikhlas dalam usaha menguat dan menyelamatkan negara China.<sup>79</sup>

Sejak melibatkan diri secara agresif dalam arena politik, Wen Yiduo sering memaparkan tindakan yang ghairah. Misalnya, beliau meluahkan pendapatnya menerusi ceramah yang diadakan demi mengenangkan jasa tentera yang terkorban dalam perang membanteras kemaraan Jepun.

Beliau berpendapat,

Ada antara kita di sini tidak senang hati dengan perbincangan politik. Ini kerana itu bukan tugas kalian di institusi pendidikan. Jika menyentuh tentang akademik, para hadirin sekalian siapa yang tidak menaruhkan usaha dalam arena akademik lebih daripada satu dekad? Siapa pula tidak menganggarkan keadaan ini dapat diteruskan untuk dua dekad yang akan datang? Dahulu saya hanya menumpu dalam akademik dan menjauhkan diri dari arena politik. Tetapi, kini keadaan sekeliling tidak sanggup membekalkan keperluan asas dalam kehidupan seharian kami meskipun makanan. Apa diperlukan oleh rakyat jelata buat sementara ini adalah mengenyangkan perut, bukan Pengajian! Adakah yang keadaan sebegini masih sesuai untuk Pengajian? Kita perlu menuntut hak kita!<sup>80</sup>

Sempena menyambut ulang tahun Gerakan 4 Mei pada tahun 1945, Wen Yiduo telah menulis sebuah artikel yang bertajuk “Cebisan Pemikiran

<sup>78</sup> WYDNPCB, ms. 813.

<sup>79</sup> Su Zhihong, *Wen Yiduo Xinlun* (Perbincangan Baru Terhadap Wen Yiduo), ms. 321.

<sup>80</sup> WYDNPCB, ms. 731-732.

Terhadap Gerakan 4 Mei” (Wusi Duanxiang) demi meluahkan pandangan beliau terhadap reformasi masyarakat. Beliau berpendapat bahawa sesiapa yang menghalang perkembangan yang baru hanya akan menyebabkan krisis. Hanya dengan membenarkan wujudnya pembaharuan barulah tindakan reformasi akan berakhir. Sebahagian daripada ulasan artikel tersebut berbunyi seperti berikut,

Yang tua boleh tamat secara selesa, yang baru boleh bertunas secara selesa. Peralihan yang berganti-gilir adalah suatu perkembangan. Apabila yang baru sudah bertunas tetapi yang tua tidak ingin memberi tempatnya, persengketaan akan berlaku. Yang baru akan menyingkirkan yang tua. Ini adalah reformasi.<sup>81</sup>

Pada tahun 1945 juga, Wen Yiduo telah mengambil alih tugas Wu Han menjadi penerbit majalah *Mingguan Demokrasi* (*Minzhu Zhoukan*).<sup>82</sup> Majalah ini diketuai oleh Li Gongpu (1902-1946). Majalah ini mempunyai matlamat yang dihajatkan oleh Wen Yiduo. Yakni, menuntut demokrasi rakyat dan kesejahteraan negara. Majalah ini ialah salah sebuah majalah yang kritis dan berani menyuarakan pendapat yang mengkritik terhadap polisi kerajaan yang tidak berkesan. Majalah tersebut tiada alamat dan aset yang tetap demi memastikan keselamatan pekerjanya.<sup>83</sup> Wen Yiduo sudi menanggung risiko yang tinggi demi mencapai matlamat beliau menerusi penerbitan majalah ini. Majalah ini biasanya menerbitkan manifesto, surat rayuan serta pengisytiharan dari pertubuhan bukan kerajaan.

---

<sup>81</sup> “Wusi Duanxiang” (Cebisan Pemikiran Terhadap Gerakan 4 Mei), *WYDQJ* jilid 2, ms. 412.

<sup>82</sup> Wu Han ialah seorang sarjana yang mengkaji sejarah Dinasti Ming. Pada tahun 1940-an beliau banyak menulis kajian sejarah Dinasti Ming yang menyindir pentadbiran Chiang Kai-shek pada ketika itu. Beliau juga giat dalam kegiatan reformasi masyarakat. Untuk mengetahui riwayat Wu Han secara teliti, sila rujuk Su Shuangbi dan Wang Zhihong, *Wu Han Zhuan* (Biografi Wu Han) (Beijing: Beijing Chubanshe, 1984).

<sup>83</sup> *WYDNPCB*, ms. 1030.

Wen Yiduo menggandakan usaha beliau dalam menyelesaikan konflik negara yang merunsingkan setelah Jepun menyerah kalah pada Ogos 1945. Salah satu usaha adalah menuntut satu keadilan dari Tragedi 1 Disember yang mengakibatkan pengorbanan empat pelajar yang tidak berdosa. Tragedi tersebut mempertingkatkan kekecewaan golongan terpelajar terhadap pemerintahan GMD. Wen Yiduo yang tidak menggalakkan permogokan turut berusaha mengendalikan permogokan profesor. Beliau menyokong tuntutan pelajar dalam permogokan tersebut. Permogokan tersebut berhajat menuntut hukuman yang saksama ke atas mereka yang melakukan keganasan. Peristiwa ini menambahkan kepercayaan Wen Yiduo bahawa aplikasi demokrasi di negara China akan membantu bangsa China agar dibebaskan daripada keganasan.

Pada awal tahun 1946, Wen Yiduo merayu pihak kepada kerajaan untuk melepaskan tahanan politik yang tidak melakukan kesalahan. Tindakan ini diutarakan akibat daripada kebanyakan tahanan ini akan mati secara misteri. Wen Yiduo dan rakan sekerjanya amat membantah tindakan yang tidak menghormati hak asasi manusia. Selain itu, Wen Yiduo mewakili KDC untuk menyertai perundingan bersama GMD dan PKC. Dalam satu ceramah yang terbuka, Wen Yiduo mengkritik Chiang Kai-shek dengan perkataan yang buruk.<sup>84</sup>

Menjelang pertengahan 1946 pengaruh KDC menjadi semakin luas. KDC menganjurkan beberapa sidangan akhbar yang melibatkan Wen Yiduo

---

<sup>84</sup> WYDNPB, ms. 1006.

serta beberapa pucuk pemimpin konfederasi tersebut. Wen Yiduo serta pemimpin KDC menunjukkan keikhlasan dalam menyelesaikan konflik antara GMD dan PKC.<sup>85</sup> Pandangan orang ramai terhadap KDC bertambah baik dan tindakan KDC mengiktiraf kedudukan PKC telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dari kalangan GMD.

Tindakan Wen Yiduo yang agresif diikuti dengan banyak khabar angin yang mengatakan beliau akan dipecat dari jawatannya sebagai seorang Profesor. Pada masa itu salah seorang anak murid beliau, Wang Yi melawat ke asramanya dan kelihatan beliau sedang mengukirkan materai batu sambil makan roti. Perbualan antara mereka amat menyentuh hati. Wang Yi berkata,

Saya ingin memberi sedikit nasihat kepada cikgu atas nama anak murid cikgu untuk menjaga diri lebih sedikit. Sebab mereka yang berani memberitahu kebenaran itu sangat jarang dijumpai. Kami tidak sampai hati kehilangan seorang cikgu yang dihormati.<sup>86</sup>

Wen Yiduo terpaku di situ dan air matanya mula mengalir, sambil itu berkata, “ Ini merupakan prinsip manusia, ... bagi saya pemuda pada zaman ini terlalu dingin, ... manusia sepatutnya berhati berdarah, ... saya tak reti tentang politik, tapi situasi seperti hari ini sama ada kita masih perlu mementingkan keselamatan diri sendiri? Saya amat berterima kasih atas nasihat kamu semua ... tapi saya tetap akan meneruskan hak saya sebagai seorang manusia, yang masih mempunyai hati nurani... ”<sup>87</sup>

---

<sup>85</sup> WYDNPB, ms. 1048-1057.

<sup>86</sup> WYDNPB, ms. 741.

<sup>87</sup> WYDNPB, ms. 742.

Akhirnya, Wen Yiduo dibunuh oleh pengganas yang diupah oleh GMD. Pengorbanan Wen Yiduo pada 15 Julai bukan sahaja menamatkan peluang beliau dalam mengejar matlamat akhirnya, malahan segala usaha reformasi masyarakat Wen Yiduo yang berkaitan dengan sajak moden, pengajian teks klasik mahupun tuntutan hak demokrasi rakyat hanya tinggal kenangan sahaja.

### **5.3.5 Impak daripada Pengorbanan Wen Yiduo**

Kematian Wen Yiduo di bawah keganasan politik membangkitkan kemarahan yang mendidih bukan sahaja di kalangan pemimpin KDC dan PKC malah di kalangan sarjana dari seluruh medan akademik dan tidak kurang juga orang ramai dari seluruh negara China. Pelbagai perhimpunan telah diadakan di merata tempat di negara China demi memaparkan kesedihan dan kenangan mereka terhadap kematian seorang pahlawan bangsa yang berbakti kepada negara.

Pemimpin KDC menunjukkan kemarahan yang tidak pernah dipaparkan sebelum itu. Mereka mengadu bahawa matlamat KDC ialah membantu negara China membangun selepas peperangan menerusi seruan demokrasi yang damai sahaja. Malangnya, usaha ini dibalas oleh pihak kerajaan dengan tindakan yang kejam. Insiden ini membangkitkan KDC untuk menyuarakan hajat dan seruan mereka secara lebih tegas dan langsung tidak khuatir dengan keganasan politik yang akan menimpa ke atas ahli mereka.<sup>88</sup>

---

<sup>88</sup> Wen Liming, *Wen Yiduo Zhuan* (Biografi Wen Yiduo), ms. 427.

Pucuk pimpinan daripada PKC, Mao Zedong turut memaparkan kemarahan mereka menerusi telegram yang dituju kepada isteri Wen Yiduo. Mao mengakui sumbangan Wen dan bertegas akan meneruskan usaha beliau dalam memperkembangkan demokrasi sehingga rakyat negara China memperolehnya. Zhou Enlai turut mengemukakan takziah beliau di salah satu perhimpunan mengenang Wen di Nanjing. Zhou menunjukkan keganasan politik yang dipaparkan oleh para pemimpin negara akan membawa pimpinan mereka ke arah musnah. Zhou turut mendakwa, kekejaman yang dilakukan ke atas Wen tidak kurang hebatnya jika dibanding dengan kekejaman perang saudara yang lama berlanjutan itu.<sup>89</sup>

Para sarjana di negara China khususnya rakan sekerja Wen Yiduo mendakwa bahawa Wen hanya meluahkan pendapat yang terpendam dalam hati sarjana dengan kata-kata dan penulisan eseи. Tindakan ini seharusnya dihormati dan disanjungi. Akan tetapi, Wen menjadi sarjana yang pertama dibunuh di bawah kekejaman politik. Pembunuhan ini memperlihatkan satu hakikat bahawa bidang akademik langsung tidak mendapat penghormatan daripada pihak kerajaan.<sup>90</sup> Pegawai diplomat dari Amerika Syarikat yang bertapak di Kunming pada ketika itu membuat satu ulasan bahawa pembunuhan ke atas Wen Yiduo langsung menunjukkan medan akademik mula diancam oleh kekejaman politik. Para sarjana dari negara China mula

---

<sup>89</sup> *Ibid*, ms. 425-426.

<sup>90</sup> *Ibid*, ms. 430.

menyedari hakikat bahawa keselamatan mereka terancam setelah Wen dibunu.<sup>91</sup>

Dalam masa beberapa bulan, bandar-bandar seperti Shanghai, Chengdu, Chongqing, Yan'an mengendalikan perhimpunan secara besar-besaran demi mengenangi kepahlawanan Wen Yiduo. Malahan negara-negara di Asia Tenggara seperti Tanah Melayu, Singapura dan Siam dari selatan Tanah Besar China turut mengendalikan perhimpunan demi mengenang jasa Wen.<sup>92</sup> Takziah yang dikirim jauh dari Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pengaruh dan kesedaran yang dibentuk daripada insiden tersebut adalah amat mengagumkan.

Pada ketika itu, seluruh rakyat China berada dalam keadaan yang paling bersepadu demi mendakwa kekejaman politik. Persepaduan ini memaparkan satu tuntutan terhadap demokrasi yang memuncak di kalangan orang ramai.<sup>93</sup> Kesedaran yang dibangkitkan menerusi pengorbanan Wen Yiduo dan Li Gongpu bukan sahaja memaparkan persepaduan daripada kalangan rakyat China malah memperlihatkan situasi GMD yang kian kehilangan kepercayaan daripada orang ramai. Kepercayaan orang ramai terhadap GMD semakin merosot apabila tindakan GMD yang sengaja menghalang perhimpunan mengenang jasa Wen diadakan dan bertindak sambil lewa ke atas penyiasatan kes pembunuhan Wen.<sup>94</sup>

---

<sup>91</sup> *Ibid*, ms. 431.

<sup>92</sup> *Ibid*, ms. 436.

<sup>93</sup> *Ibid*, ms. 432.

<sup>94</sup> *Ibid*, ms. 433.

Zhu Ziqing mengambil hemat untuk mengemaskini hasil karya peninggalan Wen Yiduo demi diterbitkan. Guo Moruo dan Ye Shengtao turut menaruh usaha yang sepenuhnya dalam mengedit dan menyempurnakan koleksi hasil karya Wen. Edisi pertama koleksi tersebut hanya diterbitkan dua tahun selepas kematian Wen.<sup>95</sup> Koleksi tersebut bukan sahaja memperlihatkan sumbangan Wen Yiduo yang tidak terhingga dalam bidang akademik negara China malah menjadi bahan rujukan yang penting di kalangan sarjana China. Selain berusaha dalam mengedit hasil karya Wen Yiduo, Zhu Ziqing turut meluahkan perasaan hormat dan sanjungan beliau terhadap Wen menerusi sebuah sajak moden. Sajak moden tersebut berjaya mengukir jasa bakti Wen yang menjunjung langit.

Kamu api membara,  
menyinari kegelapan,  
menjadi petunjuk kepada pemuda,  
bertegas walau dilandai kekecewaan.

Kamu api membara,  
menyuluhi zaman silam,  
dengan tarian dan tandingan,  
bertenaga bagai harimau.

Kamu api membara,  
memancarkan kehadiran syaitan,  
membakarkan sendiri,  
dalam sisa baki baraan cetuskan satu  
China yang baru!<sup>96</sup>

---

<sup>95</sup> *Ibid*, ms. 440.

<sup>96</sup> *Ibid*, ms. 429.